



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (61)

Tarikh : 12 Mei 2017

SIARAN MEDIA

KEJOHANAN SUKAN KERAJAAN TEMPATAN MALAYSIA, KPKT

Shah Alam, 12 Mei 2017 – YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merasmikan Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia, KPKT pada pagi ini. Kejohanan disertai oleh KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) , Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Penguasa-Penguasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE).

2.Majlis perasmian pada pagi ini amat bermakna sekali kerana Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia, KPKT ini adalah yang julung kalinya selepas ianya diberhentikan selama 22 tahun. Kali terakhir kejohanan ini diadakan ialah di Kuala Terengganu pada tahun 1995.

3.Jumlah penyertaan bagi Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia, KPKT ini dianggarkan seramai 500 orang daripada Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia yang merupakan ahli MALA atau ANULAE. Yuran penyertaan dikenakan oleh MALA sebanyak RM250.00/ pasukan bagi ahli MALA dan RM350.00/ pasukan bagi bukan ahli MALA.

4. Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia, KPKT ini mempertandingkan 10 jenis sukan iaitu badminton, ping pong, tenis, futsal, dart, bola jaring, bowling, karom, golf dan bola sepak. Senarai pertandingan sukan-sukan ini adalah seperti berikut:

- i. Kejohanan Badminton di Keningau, Sabah (Mac 2017)
- ii. Kejohanan Ping Pong dan Tenis di Kota Bharu, Kelantan (Mac 2017)
- iii. Kejohanan Futsal serentak dengan Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia, di Shah Alam, Selangor (12 hingga 14 Mei 2017)
- iv. Kejohanan Dart dan Bola Jaring di Teluk Intan, Perak (4 hingga 6 Ogos 2017)
- v. Kejohanan Bowling di Kuala Terengganu, Terengganu (16 hingga 17 September 2017)

vi. Kejohanan Karom, Golf dan Bola Sepak 9 Sebelah di Kuantan (28 September hingga 1 Oktober 2017)

5. Bagi setiap acara sukan yang dipertandingkan hadiah yang disediakan adalah untuk johan dan sehingga tempat keempat. Pemenang akan menerima hadiah wang tunai dan medal. Hadiah wang tunai adalah seperti berikut:

Johan - RM2,000.00

Naib Johan - RM1,500.00

Ketiga - RM1,000.00

Keempat - RM500.00

6. Kemuncak Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia, KPKT ialah Majlis Penutup Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia di Kuantan, Pahang pada 28 September hingga 1 Oktober 2017.

7. Majlis pada pagi ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Abu Bakar bin Johar Ketua Pengarah JKT, Dato' Mohd. Rosli bin Ramli Pegawai Kemajuan Negeri Selangor, Dato' Maimunah binti Mohd Sharif Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai merangkap Presiden MALA, Datuk Azih bin Muda Presiden ANULAE merangkap Presiden CUEPACS, Encik Shukri bin Mohamad Hamin Timbalan Datuk Bandar Shah Alam dan pegawai - pegawai kanan KPKT, JKT dan PBT.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my